

21/07/1997

(Laporan mingguan BSKL)

WALAUPUN berlaku ketidakpastian yang menyelubungi arah tujuan ringgit dan kadar faedah, Indeks Komposit Kuala Lumpur dijangka memapar pantulan kecil yang sederhana kepada paras 1,070 pada minggu ini (depan).

Penganalisis menganggap kemungkinan peningkatan angka tunjuk pasaran itu disebabkan pembeli institusi dijangka meningkatkan pendedahan belian mereka bagi mengambil kesempatan daripada saham murah akibat kelembapan pasaran baru-baru ini.

Pelabur individu runcit sebaliknya dijangka menyerbu ke Papan Kedua untuk mengurangkan kerugian mereka sebelumnya.

Beliau berkata, sentimen cergas itu dijangka wujud minggu ini berikutan Indeks Komposit (IK) dapat kekal di atas paras psikologi 1,000 mata pada Jumaat, sungguhpun ia jatuh kepada 990 mata sebelum waktu rehat tengah hari, yang juga adalah paras paling rendah sejak permulaan tahun ini.

Paras sokong KLCI ditetapkan pada 980, 940 dan 890 sementara paras rintangan pula diletakkan pada paras 1,000, 1,020, 1,070 dan 1,130 mata manakala paras sokongan papan kedua diletakkan pada paras 500, 540 dan 410 mata manakala rintangan dijangka pada paras 550, 580 dan 640 mata.

Penganalisis berkata, kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari seberang laut minggu ini dijangka meningkatkan sentimen pasaran dan mencetuskan minat belian.

Bagi minggu yang dipendekkan berikutan cuti Maulidul Rasul, IK susut 16.06 mata kepada 1,001.55 daripada 1,017.61 Jumaat lalu, Indeks Emas rugi 3.91 mata kepada 283.88 dan Indeks Perusahaan jatuh 20.66 mata kepada 527.80.

Di kalangan saham cergas minggu lalu, Rahman Hydraulic naik 10 sen kepada RM5.15 dengan 79.424 juta saham diniagakan, MBF Capital lega 36 sen kepada RM3.90 (35.504 juta), Taiping Consolidated jatuh 30 sen kepada RM2.90 (25.154 juta), Sime Darby kekal pada RM8.20 (19.855 juta) dan Renong jatuh 10 sen kepada RM3.16 (19.696 juta).

PNE PCB Bhd meningkat RM2.00 kepada RM13.30 dengan 19.329 juta saham diniagakan diikuti KLIH yang rugi 10 sen kepada RM2.86 (17.905 juta), TNB jatuh 90 sen kepada RM10.40 (15.204 juta), RHB Capital Bhd naik 60 sen kepada RM7.30 (15.048 juta) dan Plantation & Development Bhd susut 37 sen kepada RM4.88 (14.335 juta).

Barangan Pengguna menyumbang 28.743 juta saham diurus niaga, Barangan Industri 97.501 juta, Pembinaan 64.063 juta, Dagangan/Perkhidmatan 136.888 juta, Infrastruktur 5.326 juta, Kewangan 131.257 juta, Hotel 4.252 juta, Harta 103.522 juta, Perladangan 26.112 juta, Perlombongan 81.585 juta, Amanah 1.065 juta, Dana Tertutup 986,000, Amanah 14.386 juta dan Waran Panggilan 43.386 juta. - Bernama

(END)